



**PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI PULAU PINANG**

**CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN
AGRO-PELANCONGAN PULAU PINANG**

Urusetia :

**Unit Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang,
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 47, KOMTAR,
10503 Pulau Pinang.**

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AGRO-PELANCONGAN
NEGERI PULAU PINANG**

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1.	PENGENALAN	2
2.	PANDUAN KEPADA PEMBIDA PROJEK	4
	2.1 Tujuan RFP	4
	2.2 Skop Umum	4
	2.3 Tapak Projek	5
	2.4 Lawatan Tapak	6
	2.5 Pelaksanaan Projek	7
3.	MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMBIDA PROJEK	8
	3.1 Maklumat Umum	8
	3.2 Konsep Pembangunan Projek	9
	3.3 Konsep Pengurusan Projek	10
	3.4 Pecahan Guna Tanah	10
	3.5 Keupayaan Korporat	11
	3.6 Keupayaan Teknikal	11
	3.7 Keupayaan Kewangan	12
	3.8 Kebolehlaksanaan Projek	12
	3.9 Anggaran Kos, Kaedah Pembiayaan dan Pulangan Pelaburan (ROI)	13
	3.10 Strategi Pemasaran	13
	3.11 Pulangan Kepada Kerajaan Negeri	14
4.	SYARAT DAN TERMA	14
5.	LAMPIRAN	19
	Lampiran A : Pelan Tapak Lot 311 dan Lot 498, Mukim 19, Daerah Seberang Perai Tengah	19
	Lampiran B : Peta Lokasi Sekitar Lot 311 dan Lot 498, Mukim 19, Daerah Seberang Perai Tengah	20
	Lampiran C : Senarai Jabatan / Agensi Teknikal	21
	Lampiran D : Sekretariat SSI	24
	Lampiran E : Latar Belakang Syarikat Pembida	25
	Lampiran F : Pengakuan	28
	Lampiran G1 : Surat Akuan Pembida	29
	Lampiran G2 : Surat Akuan Pembida Berjaya	31

1. PENGENALAN

- 1.1 Sektor pertanian di Pulau Pinang menyumbang sebanyak 2.2 peratus kepada pertumbuhan ekonomi negeri bagi tahun 2009 dan telah meningkat kepada 2.5 peratus pada tahun 2010. Bagi tahun 2009, KDNK sektor pertanian ialah RM856 juta dan jumlah ini telah meningkat kepada RM1032 juta pada tahun 2010. Unjuran sumbangan sektor ini kepada Negeri Pulau Pinang dijangka akan meningkat kepada RM1046 juta dalam tahun 2015. Manakala, bagi tahun 2012, lima negeri termasuk Pulau Pinang mendominasi ekonomi negara dengan jumlah sumbangan KDNK sebanyak 7 peratus.
- 1.2 Selaras dengan perubahan dalam Dasar Pertanian Negara yang memberi penekanan kepada nilai ditambah dalam pengeluaran sektor pertanian, usaha-usaha mempelbagaikan hasil keluaran pertanian ke arah komersial telah dilaksanakan dengan giat. Dengan itu, tema 'Transformasi Pertanian Peneraju Ekonomi Negara' telah dijadikan slogan dalam menyambut Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri dan negara bagi tahun 2011 dan seterusnya dipertingkatkan kepada 'Transformasi Pertanian Melalui Inovasi' di pelancaran *Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism International Show (MAHA)* tahun 2012. Sehubungan dengan ini, menyedari perubahan yang berlaku dalam sektor pertanian serta kesedaran untuk meningkatkan tahap kualiti kehidupan dari segi kesihatan dan gaya hidup sihat, maka Kerajaan Negeri telah merancang untuk mewujudkan Pembangunan Dan Pengurusan Agro-Pelancongan Pulau Pinang.

(Baki ruang ini sengaja dikosongkan)

- 1.3 Agro-Pelancongan atau pelancongan tani ialah gaya atau aktiviti pelancongan yang berasaskan kegiatan pertanian, perikanan dan penternakan. Agro-Pelancongan adalah satu konsep pelancongan yang berkembang pesat kerana menawarkan pelbagai aktiviti berkaitan dengan sektor pertanian dan perladangan kepada para pelancong. Malaysia sebagai negara yang kaya dengan hasil pertanian mempunyai hasil bumi yang subur dan pelbagai. Antara aktiviti yang mendapat sambutan dalam Agro-Pelancongan ini adalah lawatan ke dusun buah-buah dan ladang ternakan, penyelidikan, homestay dan sebagainya.
- 1.4 Pengwujudan Pembangunan Dan Pengurusan Agro-Pelancongan Pulau Pinang dijangka dapat menjana aktiviti ekonomi yang lebih luas, mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan penduduk tempatan. Langkah ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang memberi penekanan kepada lima teras utama pembangunan negeri iaitu merencanakan pertumbuhan ekonomi (*pro-growth*), mewujudkan peluang-peluang pekerjaan (*pro-jobs*), menjamin keadilan sosial ekonomi (*pro-poor*) dengan memberi keutamaan kepada pelaburan dalam sektor pertanian, memantapkan sektor pendidikan demi menjamin masa depan generasi muda (*pro-talent* atau pro-bakat) dan meneruskan program sosial, kesejahteraan rakyat dan penjagaan alam sekitar (*pro-welfare* atau pro-kebajikan).

(Baki ruang ini sengaja dikosongkan)

2. PANDUAN KEPADA PEMBIDA PROJEK

2.1 Tujuan RFP

Unit Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SSI) mempelawa cadangan daripada Pembida untuk membangun dan menguruskan Projek Agro-Pelancongan. Ini adalah salah satu usaha Kerajaan Negeri untuk memaksimumkan (*unlocked*) nilai strategik bagi aset negeri dalam menjana hasil melalui *Public Private Partnership* (PPP). RFP ini juga bertujuan untuk menggalakkan idea kreatif dan inovatif daripada syarikat-syarikat yang terlibat bagi membangun dan menguruskan Projek Agro-Pelancongan seiring dengan hasrat dan wawasan Kerajaan Negeri.

Sepanjang tempoh pelaksanaan, Pembida yang berjaya perlu bekerjasama dengan pelbagai pihak meliputi jabatan dan agensi kerajaan yang berkaitan.

2.2 Skop Umum

Pembida yang berjaya dikehendaki memiliki pemahaman yang mendalam mengenai:

- i. Pelan Tapak Lot 311 dan Lot 498, Mukim 19, Daerah Seberang Perai Tengah, Jalan Penanti-Ara Kuda, Pulau Pinang (seperti di **Lampiran A**);
- ii. Peta Lokasi Sekitar Lot 311 dan Lot 498 Mukim 19, Daerah Seberang Perai Tengah Jalan Penanti-Ara Kuda, Pulau Pinang (seperti di **Lampiran B**);
- iii. Perancangan pembangunan Projek Agro-Pelancongan;

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AGRO-PELANCONGAN
NEGERI PULAU PINANG**

- iv. Cara-cara penternakan, penempatan dan pemprosesan yang berkaitan Projek Agro-Pelancongan;
- v. Pelan Promosi dan Pemasaran yang berkaitan Projek Agro-Pelancongan;
- vi. Perancangan Perkilangan dan Pemprosesan berkaitan Projek Agro-Pelancongan; dan
- vii. Keperluan Jabatan / Agensi Teknikal (senarai jabatan / agensi teknikal seperti di **Lampiran C**)

2.3 Tapak Projek

Cadangan Pembangunan Dan Pengurusan Agro-Pelancongan terletak di Lot 311 dan 498, Mukim 19, Seberang Perai Tengah, Jalan Penanti - Ara Kuda, Pulau Pinang. Keseluruhan tanah ini berkeluasan 22.4 ekar bersamaan 90,722.418 meter persegi.

Kawasan ini dikategorikan sebagai zon kawasan pertanian. Sifat-sifat utama tanah di kawasan ini ialah berwarna kuning coklat, mempunyai lempung berpasir kasar, berstruktur blok subsegi, bersaiz halus, peroi, sederhana salir ke salir dan ketepuan bes rendah.



LOKASI TAPAK PROJEK

Kecerunan tanah adalah kecil dan kadar ketidakseimbangan nutrien adalah sederhana. Tekstur dan struktur keseluruhan tanah juga adalah sederhana.

SSI sebagai pemilik tanah akan memeterai perjanjian bersama Pembida yang berjaya bagi tempoh (15 tahun + 15 tahun) di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui bersama. Tanah tersebut tidak boleh dipajakkan bagi tujuan mendapat sumber kewangan untuk projek ini dan dilarang untuk digunakan sebagai kolateral bagi sebarang tujuan. Tanah ini juga tidak boleh dipajak kecil atau dipindahmilik kepada pihak ketiga. Pada penghujung tempoh perjanjian, Pembida perlu mengembalikan keseluruhan projek beserta hak milik kepada SSI tanpa sebarang kos.

2.4 Lawatan Tapak

Pembida digalakkan menghadiri lawatan tapak yang dijadualkan pada 19 Jun 2014 (Khamis) pada jam 10.00 pagi atau pada 2 Julai 2014 (Rabu) pada jam 10.00 pagi. Sekiranya Pembida tidak dapat hadir pada tarikh yang ditetapkan (dengan alasan yang munasabah), maka Pembida perlu memaklumkan kepada sekretariat dan tarikh lawatan baru akan ditetapkan. Lawatan tapak perlu dihadiri oleh pihak pengurusan atasan.

Maklumat lanjut berhubung lawatan tapak boleh diperolehi daripada Sekretariat SSI seperti di **Lampiran D**.

(Baki ruang ini sengaja dikosongkan)

2.5 Pelaksanaan Projek

Jadual pelaksanaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- | | | |
|-------|--|---|
| i. | Pelawaan untuk RFP | - 15 Mei 2014 |
| ii. | Lawatan Tapak | - 19 Jun 2014
atau
2 Julai 2014 |
| iii. | Tarikh akhir menghantar RFP | - 15 Ogos 2014 |
| iv. | Penilaian Teknikal | - Ogos 2014 |
| v. | Penilaian Jawatankuasa
Teknikal Dan Penilaian Harga | - September 2014 |
| vi. | Pembentangan kepada
Lembaga Perolehan Negeri dan
MMK | - Oktober 2014 |
| vii. | Surat Tawaran kepada Pembida
yang berjaya | - November 2014 |
| viii. | Menandatangani Perjanjian | - Disember 2014 |
| ix. | Permohonan Kebenaran
Merancang | - Januari 2015 |
| x. | Pelaksanaan projek | - 2 bulan selepas
mendapat kelulusan
pelan bangunan |
| xi. | Projek disiapkan dan beroperasi | - 24 bulan selepas
pelaksanaan projek. |

(Baki ruang ini sengaja dikosongkan)

3. MAKLUMAT YANG PERLU DISEDIAKAN OLEH PEMBIDA PROJEK

Pembida projek perlu menghantar maklumat yang lengkap dan terperinci mengenai cadangan Pembangunan Dan Pengurusan Projek berkaitan Agro-Pelancongan, Pulau Pinang.

Garis panduan untuk menyediakan cadangan adalah seperti di bawah:

3.1 Maklumat Umum

Pada bahagian ini, cadangan haruslah mengandungi ringkasan eksekutif yang terdiri daripada gambaran keseluruhan mengenai Pembida, projek yang akan dilaksanakan, jadual pelaksanaan, dan anggaran kos yang terlibat.

Maklumat mengenai latar belakang Syarikat Pembida seperti di **Lampiran E** harus dilengkapkan yang merangkumi aspek berikut:

- i. Nama syarikat;
- ii. No. Pendaftaran syarikat;
- iii. Tarikh penubuhan syarikat;
- iv. Jenis perniagaan utama;
- v. Alamat syarikat (Ibu Pejabat dan Cawangan);
- vi. No. telefon, faks dan alamat e-mel;
- vii. Modal berbayar syarikat;
- viii. Jenis dan butiran pemilikan syarikat;
- ix. Senarai Ahli Lembaga Pengarah;
- x. Maklumat mengenai pengurusan atasan; dan
- xi. Bilangan pekerja.

Syarikat Pembida perlu mengemukakan salinan sijil-sijil pendaftaran dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan (MOF) / Pusat Perkhidmatan Kontraktor (PKK) / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) beserta tempoh sahlaku.

Penyata Kewangan yang diaudit bagi 3 tahun terkini, senarai projek (tempatan dan luar negara) yang telah dilaksanakan, surat pengesahan projek siap dan sijil-sijil menyatakan kelayakan Syarikat Pembida juga perlu dilampirkan bersama kertas cadangan.

3.2 Konsep Pembangunan Projek

Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mempelawa syarikat berkeupayaan untuk membangunkan tanah kerajaan di Lot 311 dan 498, Mukim 19, Seberang Perai Tengah, Jalan Penanti - Ara Kuda, Pulau Pinang dengan Projek Agro-Pelancongan dalam skala yang besar. Syarikat Pembida juga diharap dapat memproses hasil pertanian dan penternakan dari peringkat bahan mentah (*raw material*) sehingga penghasilan produk akhir (*end product*) yang dapat dipasarkan secara komersil. Justeru, Syarikat Pembida juga diharap mempunyai keupayaan untuk mempromosi dan memasarkan produk Projek Agro-Pelancongan serta sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang terkenal dengan Agro-Pelancongan.

Namun demikian, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menghadkan sebarang bentuk pembangunan di kawasan tersebut selagi ia masih dalam skop yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana Kerajaan Negeri percaya bahawa setiap syarikat mempunyai keupayaan dan kebolehan yang tersendiri dalam pembangunan yang akan dilaksanakan.

Syarikat Pembida juga boleh membangun dan menguruskan Projek Agro-Pelancongan secara usahasama dengan syarikat tempatan atau syarikat antarabangsa yang mempunyai kepakaran dalam bidang industri Agro-Pelancongan.

3.3 Konsep Pengurusan Projek Agro-Pelancongan Negeri Pulau Pinang

Pembida perlu menyatakan secara terperinci senarai ahli pengurusan beserta jawatan dan jumlah pekerja yang akan terlibat untuk Pembangunan Dan Pengurusan Projek Agro-Pelancongan. Komposisi pekerja tempatan dan asing juga perlu diperincikan.

Syarikat Pembida juga perlu memasukkan maklumat mengenai pengurusan penyelenggaraan dan landskap bagi memastikan susun atur Pembangunan Projek Agro-Pelancongan .

3.4 Pecahan Guna Tanah

Pecahan Guna Tanah yang telah ditetapkan oleh Sekretariat SSI adalah seperti berikut:

Bil.	Kegunaan Tanah	Keluasan (%)
i.	Kawasan pertanian dan penternakan	60
ii.	Kawasan pembinaan bangunan	20
iii.	Kawasan sosial dan lain-lain kegunaan yang dibenarkan	20

(Baki ruang ini sengaja dikosongkan)

3.5 Keupayaan Korporat

3.5.1 Projek Pembangunan dan Pengalaman

Syarikat Pembida perlu mengenalpasti perunding, kontraktor, pembekal, pengendali dan pembiaya kewangan tempatan atau antarabangsa yang akan terlibat di dalam projek yang dicadangkan. Syarikat Pembida juga perlu mengemukakan perancangan pembangunan projek meliputi aspek-aspek pengurusan projek dari segi pembangunan dan pelaksanaan projek termasuk ringkasan fungsi pengurusan utama serta jawatan-jawatan yang bakal diwujudkan. Ringkasan Pengurusan Projek perlu merangkumi jadual pembangunan projek dan operasi komersial. Dokumen sokongan yang menunjukkan komitmen dan kesungguhan Pembida untuk terlibat dalam projek ini juga boleh disertakan untuk mengukuhkan cadangan.

3.6 Keupayaan Teknikal

Bahagian ini perlu dilengkapkan secara terperinci dan perlu mengandungi maklumat yang lengkap untuk meyakinkan bahawa Syarikat Pembida, syarikat perunding, kontraktor, pembekal dan pengendali projek memiliki keupayaan teknikal, pengalaman dan juga kepakaran (sama ada secara langsung ataupun melalui khidmat pihak tempatan atau antarabangsa) untuk mengendalikan projek yang dicadangkan, dan pihak SSI juga amat menitikberatkan kelayakan Syarikat Pembida dalam melaksanakan projek ini.

(Baki ruang ini sengaja dikosongkan)

Pengalaman kakitangan teknikal, *resume* kakitangan utama yang terlibat dan senarai nama perunding yang terlibat dalam projek ini perlu disertakan. Senarai dan nilai projek yang pernah dibangunkan dan diuruskan oleh Pembida atau syarikat kerjasama juga perlu disertakan.

3.7 Keupayaan Kewangan

Bahagian ini mestilah dilengkapkan secara terperinci dan perlu mengandungi maklumat yang mencukupi untuk memperlihatkan dengan yakin bahawa syarikat Pembida dan rakan kongsi tempatan atau antarabangsa mempunyai keupayaan, pengalaman dan kepakaran untuk membiayai, membangun dan menguruskan projek yang dicadangkan, dan pihak SSI amat menitikberatkan kelayakan Pembida bagi melaksanakan projek ini.

3.8 Kebolehlaksanaan Projek

3.8.1 Umum

Cadangan perlu dikemukakan bersama pelan Pembangunan Dan Pengurusan projek.

3.8.2 Kajian Ekonomi

Syarikat Pembida dikehendaki menyediakan kajian ekonomi berkaitan dengan projek yang dicadangkan. Kaedah kajian adalah berdasarkan kreativiti Pembida dan kajian terperinci serta mendalam perlu dilakukan bagi meyakinkan SSI bahawa projek dapat dilaksanakan. Kos yang dianggarkan bagi pembangunan dan pengurusan projek juga perlu realistik dan munasabah.

3.9 Anggaran Kos, Kaedah Pembiayaan Dan Pulangan Kepada Pelaburan (ROI)

- 3.9.1** Syarikat Pembida perlu menyatakan secara terperinci anggaran modal dan kos keseluruhan yang akan terlibat serta pecahan kos yang akan terlibat bagi Pembangunan Dan Pengurusan Projek Agro-Pelancongan Pulau Pinang. Kos operasi yang terlibat juga perlu diperincikan.
- 3.9.2** Kos yang dicadangkan perlulah realistik dan munasabah dan Syarikat Pembida perlu membiayai keseluruhan kos pembangunan dan pengurusan tersebut.
- 3.9.3** Syarikat Pembida perlu menyatakan secara terperinci mengenai pelan pembiayaan projek termasuk pinjaman dan ekuiti, bersama dengan dokumen-dokumen yang menyatakan pengalaman Pembida dalam memperolehi pembiayaan bagi projek-projek sebelum ini yang sama atau hampir sama dari segi saiz dan teknologi yang digunakan.
- 3.9.4** Syarikat Pembida harus menyatakan secara terperinci mengenai aliran tunai keluar masuk yang merangkumi hasil yang diterima sebagai pulangan kepada pelaburan (ROI) bagi projek ini semasa operasi normal dalam tempoh cadangan projek.

3.10 Strategi Pemasaran

Syarikat Pembida perlu menyediakan strategi pemasaran bagi mempromosikan produk-produk yang dikeluarkan dan memaksimumkan potensi kawasan ini dan menaikkan nama Pulau Pinang sebagai lokasi unggul untuk produk Agro-Pelancongan.

3.11 Pulangan Kepada Kerajaan Negeri

Pembida perlu menyatakan secara terperinci mengenai pulangan kepada Negeri Pulau Pinang termasuk peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, penglibatan kontraktor dan pembekal tempatan, dan juga pulangan berbentuk kewangan kepada Kerajaan Negeri.

4. SYARAT DAN TERMA

- 4.1** Syarikat Pembida adalah dipelawa untuk mengemukakan cadangan berdasarkan keperluan yang dinyatakan di dalam dokumen ini. Kegagalan untuk mengemukakan sebarang maklumat yang dikehendaki akan menyebabkan cadangan ditolak.
- 4.2** Syarikat Pembida perlu menanggung segala kos yang berkaitan dengan penyediaan dan penyerahan RFP. RFP perlu diserahkan kepada SSI pada atau sebelum 12.00 tengahari, 15 Ogos 2014.
- 4.3** Pembida dikehendaki untuk membayar RM1,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ribu Sahaja) melalui *bank draft* / kiriman wang sebagai yuran pemprosesan kepada Bendahari Negeri Pulau Pinang semasa mengemukakan RFP. Cek persendirian dan cek syarikat tidak diterima. Bayaran ini tidak akan dikembalikan melainkan SSI memutuskan untuk membatalkan projek ini.

(Baki ruang ini sengaja dikosongkan)

- 4.4** Satu (1) *softcopy* dan satu (1) salinan bercetak perlu dikemukakan ke alamat berikut:

Sekretariat

Unit Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI)

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Paras 47, KOMTAR,

10503 Pulau Pinang

Malaysia.


- 4.5** Cadangan yang diterima selepas masa dan tarikh tutup tidak akan dilayan.
- 4.6** Penyerahan harus dilakukan dengan menggunakan sampul bertutup dan ditulis dengan jelas di sebelah atas kanan sampul "Pembangunan Dan Pengurusan Projek Agro-Pelancongan Pulau Pinang".
- 4.7** Semua cadangan mestilah menggunakan Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris.
- 4.8** Semua cadangan mestilah ditaip menggunakan kertas A4 (8.27" x 11.69"). Walau bagaimanapun, pelan dan lakaran boleh menggunakan saiz kertas yang bersesuaian. Setiap bahagian perlu dimulakan pada muka surat baru dan dilabel sewajarnya. Setiap muka surat juga perlu dinomborkan mengikut turutan.
- 4.9** Borang Pengakuan (seperti di **Lampiran F**) perlu ditandatangani secara rasmi oleh individu yang diberi kuasa oleh pihak syarikat dan salinan asal perlu dikemukakan semula kepada Sekretariat SSI.


- 4.10** Pembida perlu menandatangani borang Surat Akuan Pembida (seperti di **Lampiran G1 dan G2**) dan salinan asal perlu dikembalikan semula kepada Sekretariat SSI.
- 4.11** Sebarang cadangan penambahan dan alternatif adalah dialu-alukan sekiranya masih dalam skop RFP ini.
- 4.12** Syarikat Pembida boleh mengemukakan cadangan secara persendirian ataupun bekerjasama dengan syarikat lain. Walau bagaimanapun, peranan dan tanggungjawab setiap syarikat perlu dinyatakan dengan jelas.
- 4.13** Tiada pindaan boleh dibuat selepas cadangan dikemukakan kepada SSI.
- 4.14** SSI mempunyai hak sepenuhnya untuk menerima ataupun menolak cadangan yang telah dikemukakan dan tidak terikat dalam apa-apa cara sekalipun untuk memberi projek kepada seseorang ataupun syarikat yang mengemukakan cadangan. SSI juga tidak perlu untuk memberi sebarang sebab atau alasan untuk penolakan cadangan yang diterima.
- 4.15** Setelah RFP dikeluarkan, maklumat berkaitan dengan kandungan, penilaian dan perbandingan cadangan serta syor mengenai penganugerahan kontrak adalah sulit dan tidak harus didedahkan kepada mana-mana individu atau syarikat yang tidak terlibat secara langsung dengan projek ini.
- 4.16** Semua cadangan yang diterima adalah sah selama enam (6) bulan dari tarikh tutup RFP ini tetapi SSI mempunyai hak untuk melanjutkan tempoh sah tambahan selama tiga (3) bulan dengan mengeluarkan notis kepada Pembida.

- 4.17** Hanya syarikat yang disenarai pendek dan berjaya untuk RFP ini sahaja akan dimaklumkan status dan perlu untuk menghantar wakil bagi syarikat mereka. Tiada sebarang makluman status bagi syarikat yang tidak berjaya.
- 4.18** SSI tidak perlu untuk memaklumkan atau memberikan maklumat lanjut mengenai proses pemilihan kepada mana-mana syarikat yang berjaya ataupun tidak berjaya.
- 4.19** Syarikat Pembida yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani perjanjian secara rasmi dengan SSI.
- 4.20** Kegagalan syarikat yang berjaya untuk mematuhi semua keperluan yang telah ditetapkan dalam RFP Pembangunan Dan Pengurusan Projek Agro-Pelancongan ini merupakan asas yang kukuh bagi pembatalan penganugerahan tersebut.
- 4.21** Pembida yang berjaya harus menyertakan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank yang dikeluarkan oleh bank berdaftar dan beroperasi di Malaysia berjumlah lima peratus (5%) daripada jumlah keseluruhan kos kepada SSI dalam tempoh 14 hari daripada tarikh *Letter Of Acceptance* dikeluarkan .
- 4.22** Jaminan Bank tersebut haruslah dipastikan sah dari tarikh dikeluarkan sehingga tarikh tidak kurang dari tiga (3) bulan selepas tamat projek. Jika didapati Pembida projek gagal untuk menamatkan projek dalam tempoh yang ditetapkan, jaminan bank tidak akan dikembalikan. Jaminan bank tersebut juga tidak akan dikembalikan jika Pembida projek menarik balik cadangan semasa tempoh yang ditetapkan atau melebihi tempoh yang telah ditetapkan.

- 4.23** SSI berhak meminda dari semasa ke semasa spesifikasi dan butir-butir yang dinyatakan di dalam RFP dan Pembida mestilah bersetuju dengan pindaan yang telah dibuat tersebut. Setiap pindaan pada RFP berikutnya akan dimaklumkan kepada Pembida.
- 4.24** Pembida harus bersetuju dan memahami bahawa sekiranya penawaran ini gagal dan perjanjian masih belum ditandatangani, tiada sebarang tindakan boleh diambil ke atas SSI, atau meneruskan apa-apa tindakan terhadap SSI.
- 4.25** Fakta dan maklumat yang terkandung di dalam RFP ini adalah benar sewaktu ia dikemukakan dan dengan ini SSI tidak akan melayan sebarang pertikaian dan tidak akan bertanggungjawab mengenai ketepatan dan kebenaran bagi sebarang fakta dan maklumat yang terkandung dalam RFP ini.

(Baki ruang ini sengaja dikosongkan)





**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AGRO-PELANCONGAN
NEGERI PULAU PINANG**

Lampiran C

SENARAI JABATAN / AGENSI TEKNIKAL

NO.	NAMA & ALAMAT	TEL. & FAKS	WEB SITE
1.	Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tingkat 56, KOMTAR 10503 Pulau Pinang.	Tel: 04-6505379 / 04-6505365 Fax: 04-2616402	-
2.	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang Jalan Kulim, Cherok Tok Kun 14000, Bukit Mertajam Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04-537 2144 / 04-537 2145 Fax: 04-537 2150	http://jpn.penang.gov.my
3.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04: 650 5250 Fax: 04: 263 6335	http://jpvpp.gov.my
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang Tingkat 55, KOMTAR Jalan Penang 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04- 262 1957 Faks: 04- 261 3435	http://jps.penang.gov.my
5.	Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang Tingkat 18 & 19, KOMTAR 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04- 263 3263 / 04- 261 6653 Faks: 04- 261 4707	http://ppinang.jkr.gov.my
6.	Pejabat Tanah Dan Galian Pulau Pinang Tingkat 21 & 22, KOMTAR 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel : 04- 650 5211 Fax : 04- 261 9588	http://ptg.penang.gov.my

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AGRO-PELANCONGAN
NEGERI PULAU PINANG**

NO.	NAMA & ALAMAT	TEL. & FAKS	WEB SITE
7.	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang Tingkat 57 ,KOMTAR 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04- 650 5276 Fax : 04- 263 7580	http://jpbd.penang.gov.my
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Tengah. Jalan Betek, Sungai Rambai 14000, Bukit Mertajam Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04-540 2360 Fax: 04-539 9549	http://spt.penang.gov.my
9.	Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Jalan Perda Utama, Bandar Perda 14000, Bukit Mertajam Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04-549 7555 Fax: 04-538 9700	http://www.mpsp.gov.my
10.	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. Tingkat 32, KOMTAR 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04- 263 4200 Faks: 04- 261 3581	http://www.pba.com.my
11.	Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang Aras Bawah - Zon B Wisma Persekutuan 13200, Kepala Batas Pulau Pinang Malaysia	No. Tel: 04-575 1911 No. Fax: 04-575 1455	http://www.doe.gov.my/
12.	Jabatan Ukur dan Pemetaan Pulau Pinang, Tingkat 39, KOMTAR 10000, Pulau Pinang Malaysia	No. Tel: 04-261 1762 No. Fax: 04-263 5884	Http://jupp.gov.my

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AGRO-PELANCONGAN
NEGERI PULAU PINANG**

NO.	NAMA & ALAMAT	TEL. & FAKS	WEB SITE
13.	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Pulau Pinang Tingkat 57 ,KOMTAR 10000, Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04- 650 5276 Fax : 04- 263 7580	http://jpbd.penang.gov.my
14.	Jabatan Bomba Dan Penyelamat Jalan Perusahaan, Perai 13600 Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04-397 0760 Fax : 04-398 2544	http://www.bomba. penang.gov.my
15.	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. No. 41, Tingkat 1, Jalan Todak 4, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04-398 4828 Fax: 04-397 7924	http://www.iwk.com.my
16.	Tenaga Nasional Berhad Tingkat 17, Wisma TNB, No. 30, Jalan Anson, 10400 Pulau Pinang Malaysia	Tel: 04-222 4000 Fax: 04-227 3110	http://www.tnb.com.my

Sekretariat SSI

1. Nama : Pn. Bharathi A/P Suppiah
Jawatan : Pengurus Perbadanan Setiausaha Kerajaan
Negeri
Tel : 04-650 5554 / 016-4751602
Faks : 04-261 9935
Emel : bharathi@penang.gov.my

2. Nama : Pn. Norwardah Binti Ali
Jawatan : Penolong Pengurus SSI (Pelancongan)
Tel : 04-650 5421 / 019-455 7653
Faks : 04-261 9935
Emel : norwardah@penang.gov.my

LATAR BELAKANG SYARIKAT PEMBIDA

1. **Nama Syarikat :** _____

2. **No. Pendaftaran :** _____

3. **Tarikh Penubuhan Syarikat :** _____

4. **Jenis Perniagaan Utama :** _____

5. **Alamat Syarikat**
 - 5.1 **Ibu Pejabat :** _____

 - 5.2 **Cawangan :** _____

6. **Nombor Untuk Dihubungi**
 - 6.1 **No. Telefon :** _____

 - 6.2 **No. Faks :** _____

 - 6.3 **Alamat E-mel :** _____

7. Modal Berbayar Syarikat (Isi mana yang berkenaan)

7.1 Perseorangan / Perkongsian : RM_____

7.2 Sendirian Berhad/ Berhad :

a. Modal Dibenar : RM_____

b. Modal Dibayar : RM_____

8. Jenis dan Butiran Pemilikan Syarikat

8.1 Perseorangan :

a. Nama Pemilik : _____

b. No. K/P : _____

8.2 Perkongsian :

Nama Pekongsi	Nombor Kad Pengenalan	Peratus Perkongsian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

8.3 Sendirian Berhad / Berhad :

Nama Pemegang Saham	Nombor Kad Pengenalan	Peratus Bahagian

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AGRO-PELANCONGAN
NEGERI PULAU PINANG**

9. Senarai Ahli Lembaga Pengarah

Nama	No. Kad Pengenalan

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

10. Maklumat Mengenai Pengurusan Atasan

Nama	Jawatan	Tempoh Perkhidmatan Dalam Syarikat

(Sila guna kertas berasingan jika ruangan tidak mencukupi)

11. Bilangan Pekerja

11.1 Tempatan : _____ orang

11.2 Asing : _____ orang

PENGAKUAN

Di atas pengetahuan saya, dengan ini saya memperakui bahawa segala maklumat yang terkandung di dalam cadangan ini adalah benar.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

Cop Syarikat : _____

Tandatangan Saksi : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____



**SURAT AKUAN PEMBIDA BAGI
CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN
PROJEK AGRO-PELANCONGAN PULAU PINANG**

Saya, (**Nama Wakil Syarikat**)

Nombor K.P yang mewakili

..... (**Nama Syarikat**) nombor pendaftaran

..... (**MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB**)

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam Cadangan seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam Cadangan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi Cadangan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi Cadangan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam Cadangan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Balai Polis yang berhampiran.

Yang Benar,

..... **(Tandatangan)**

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :



**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA BAGI
CADANGAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN
PROJEK AGRO-PELANCONGAN PULAU PINANG**

Saya, (Nama Wakil Syarikat)

Nombor K.P yang mewakili

..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran

..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran untuk dipilih dalam Cadangan seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan Cadangan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi Cadangan di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi Cadangan di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuatkuasa.

**PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN AGRO-PELANCONGAN
NEGERI PULAU PINANG**

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan Cadangan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Balai Polis berhampiran.

Yang Benar,

..... **(Tandatangan)**

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat :